



**SYARAT-SYARAT PENYERTAAN
MAJLIS HAFAZAN AL-QURAN
PERINGKAT NEGERI SABAH 1447H/2026M**

Syarat Umum bagi ketiga-tiga kategori (Juzu 1-10, Juzu 1-20 dan Juzu'1-30):

1. Berumur tidak kurang dari 13 tahun dan tidak melebihi 25 tahun pada tarikh Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Saringan / Negeri Tahun berkenaan.
2. Semua peserta hendaklah terdiri daripada Warganegara Malaysia yang beragama Islam.
3. Setiap Daerah / kawasan /Maahad boleh mengemukakan hanya dua orang peserta sahaja (lelaki dan perempuan) bagi setiap kategori. Peserta hendaklah merupakan anak kelahiran Negeri Sabah berdasarkan Sijil Kelahiran/Kad Pengenalan. Bagi pemastautin, peserta hendaklah bermastautin di negeri/kawasan yang dia wakili sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum majlis diadakan. Kelayakan peserta bermastautin hendaklah mengikut alamat terakhir yang tercatat dalam kad pengenalan atau kad tukar alamat. Bagi kakitangan kerajaan atau swasta hendaklah mendapat pengesahan daripada majikan, manakala bagi pelajar hendaklah mendapat pengesahan daripada ketua institusi pengajian berkenaan.
4. Peserta yang menyertai Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri melebihi satu negeri dalam tahun yang sama tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun berkenaan. Jika ia dapat dikesan maka penyertaannya terbatal.
5. Peserta perempuan yang menyertai Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri hendaklah dalam keadaan tidak uzur syar'i semasa ujian hafazan dijalankan ke atasnya. Sekiranya dalam keadaan uzur, penyertaan terbatal.
6. Setiap peserta lelaki hendaklah memakai Pakaian Kebangsaan yang lengkap dan kemas (bersongkok, bersamping, berbutang baju, berkasut dan bersarung kaki) semasa majlis berlangsung khususnya ketika mempersembahkan bacaan, Majlis penyampaian hadiah.
7. Setiap peserta perempuan hendaklah memakai pakaian yang (menutup aurat) dan tidak dibenarkan menutup muka ketika mempersembahkan bacaan dan Majlis penyampaian hadiah.
8. Setiap peserta hendaklah mendaftar atas talian dalam borang *google form* yang disediakan.
9. Setiap Maahad/kawasan/Daerah yang menghantar peserta menyertai Majlis Hafazan Al-Quran Saringan peringkat negeri dibenarkan membawa seorang pengiring lelaki dan seorang pengiring perempuan.
10. Peserta yang gagal memenuhi syarat-syarat di atas maka penyertaannya terbatal.
11. Sehari sebelum Majlis bermula peserta akan diminta untuk membuat cabutan undian giliran dan undian soalan.

PERATURAN DAN FORMAT SOALAN MENGIKUT KATEGORI

Kategori Pertama: 1 hingga 10 Juzuk dan Tarannum

1. Seseorang peserta yang pernah mendapat Johan Kategori Pertama atau pernah mengambil bahagian dalam kategori yang lebih tinggi adalah TIDAK dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini pada tahun-tahun berikutnya. Sekiranya tidak mendapat Johan, dia dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini hanya setakat tiga kali sahaja, tetapi dibenarkan mengambil bahagian bagi kategori yang lebih tinggi.
2. Para peserta hendaklah memperdengarkan bacaan hafazan secara tadwir.
3. Sebanyak 3 soalan dikemukakan kepada peserta. 2 soalan hafazan hendaklah diperdengarkan secara tadwir dengan sekurang-kurangnya 2 jenis Tarannum pada setiap soalan. Manakala soalan ketiga hendaklah diperdengarkan secara mujawwad dengan 2 jenis Tarannum beserta tabaqat.
4. 2 soalan hafazan yakni soalan pertama dan kedua hendaklah dijawab dalam tempoh 2 minit dengan kadar 9 sehingga 10 baris ayat. Manakala soalan ketiga (secara mujawwad) hendaklah disudahkan dalam tempoh 4 minit atau lampu merah menyala menandakan tamat bacaan.

Kategori Kedua: 1 hingga 20 Juzuk

1. Peserta Kategori kedua hendaklah belum pernah mengambil bahagian dalam Kategori ketiga pada tahun-tahun sebelumnya.
2. Peserta Kategori Kedua hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori ini sebanyak tiga kali sahaja (berturut-turut atau berselang) sama ada pernah mendapat Johan atau tidak, tetapi dibenarkan mengambil bahagian dalam Kategori Ketiga.
3. Soalan tahap 2 adalah bermula dari Juzuk 1 hingga Juzuk 20. Bagi kategori ini 4 soalan hafazan akan dikemukakan kepada peserta. Setiap durasi soalan adalah 2minit.
4. Setiap soalan hendaklah disudahkan sekurangnya 9-10 baris ayat.
5. Peserta dikehendaki menjawab setiap soalan dengan bacaan secara tadwir dan mempersembahkan bacaan tersebut sekurang-kurangnya satu jenis Tarannum tanpa berulang jenis yang sama pada soalan kedua dan seterusnya.

Kategori Ketiga: 1 hingga 30 Juzuk dan Tafsir

1. Setiap peserta dalam Kategori ketiga hanya dibenarkan menyertai Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Sebanyak tiga kali sahaja dan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori Pertama dan Kedua.
2. Peserta yang telah menjadi Johan Kategori ketiga tidak dibenarkan menyandang Johan melebihi 2 kali.

3. Sukatan Soalan Tafsir bagi Hafazan Tahap 1-30 juzuk bagi tahun 1447H/2026M bermula dari Juzuk 21:
 - Surah Al-Ankabut bermula ayat 46
 - Surah Ar-Rum
 - Surah Luqman
 - Surah As-Sajdah
 - Surah Al-Ahzaab hingga ayat 28
4. 5 soalan akan dikemukakan kepada peserta. Kadar bacaan bagi setiap soalan ialah satu halaman atau sekurang-kurangnya 15 baris secara tadwir. Setiap soalan berdurasi 2 minit dan 2 soalan tafsir.
5. Setiap soalan hendaklah diperdengarkan dengan 1 jenis Tarannum atau sekurang-kurangnya 2 atau 3 jenis Tarannum untuk menjawab semua soalan.
6. Hakim Fatih boleh menamatkan bacaan pada bila-bila masa Sahaja jika peserta tidak berkemampuan meneruskan bacaannya termasuklah jika ditegur dalam soalan yang sama sebanyak tiga kali.
7. Peserta boleh membaca dengan mana-mana riwayat bacaan. Peserta hendaklah memaklumkan Urus Setia sekiranya membaca selain riwayat Hafs.
8. Peserta yang melakukan kesilapan bacaan yang nyata (jaliy) seperti lupa ayat, bertukar kalimah atau huruf atau baris atau melangkau ayat akan ditegur oleh Hakim Munabbih.
9. Peserta yang gagal menjawab semua soalan yang dikemukakan oleh Hakim Fatih boleh diminta untuk membaca mana-mana ayat yang dihafaznya tetapi tidak diberi markah.